

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB SENATOR PUAN LIM HUI YING

TARIKH : 12 OKTOBER 2021 (SELASA)

SOALAN

Puan Lim Hui Ying minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan untuk membendung kes-kes keganasan rumah tangga dan bunuh diri khususnya semasa pandemik COVID-19 melanda.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sentiasa memandang serius terhadap isu keganasan rumah tangga termasuk tekanan mental dalam kalangan masyarakat khususnya semasa pandemik COVID-19. Namun, **isu atau perkara berkaitan bunuh diri berada di bawah bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).**

Isu keganasan rumah tangga ditangani melalui **peruntukan perundangan di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 [Akta 521]** di bawah Kementerian ini untuk melindungi hak dan keselamatan mangsa keganasan rumah tangga sama ada wanita, lelaki, warga emas, Orang Kurang Upaya (OKU) atau kanak-kanak.

Jumlah panggilan yang diterima berkaitan keganasan rumah tangga menerusi **Talian Kasih 15999** dari Januari hingga September 2021 adalah **2,499 panggilan**. Statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) pula mencatatkan sebanyak **4,623 kes** bagi tempoh Januari hingga Julai 2021. Antara punca utama berlakunya kes keganasan rumah tangga adalah **selisih faham, penggunaan dadah, masalah kewangan dan sikap panas baran/ tekanan perasaan.**

Bagi menangani isu keganasan rumah tangga, KPWKM telah melaksanakan pelbagai inisiatif dan tindakan pelaksanaan adalah seperti berikut :

- a) **menyelaras isu, inisiatif dan tindakan pelaksanaan berkaitan keganasan rumah tangga antara agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) menerusi platform Jawatankuasa Menangani Keganasan Rumah Tangga** bagi memastikan gerak kerja dan pengendalian kes adalah secara bersistematik khususnya semasa pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan dan Pelan Pemulihan Negara;

- b) mewujudkan **Pusat Transit Sementara di masjid bagi mangsa keganasan rumah tangga** dengan kerjasama antara Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dan Jabatan Pembangunan Wanita (JPW);
- c) mewujudkan **Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS)** yang berperanan sebagai pusat rujukan khusus untuk mengemukakan aduan dan pertanyaan, memperoleh maklumat dan nasihat, mendapatkan perkhidmatan segera seperti kaunseling;
- d) memperluaskan usaha **promosi perkhidmatan Talian Kasih 15999 termasuk khidmat psiko-sosial** yang boleh diakses menerusi talian ini untuk mangsa atau mana-mana individu yang memerlukan seperti saluran *YouTube TV* berkaitan isu dan panduan (*tips*) mengenai kesejahteraan mental oleh Lembaga Kaunselor Malaysia;
- e) meningkatkan **program bimbingan psikososial dan aktiviti dalam komuniti** khususnya bagi wanita menerusi Skwad Wanita Anti Jenayah (Skuad WAJA). Sehingga kini, seramai 10,080 sukarelawan yang telah berdaftar dengan skuad WAJA dan disasarkan seramai 100,000 sukarelawan berdaftar;
- f) melaksanakan **50 program Akademi Keluarga Sejahtera (AKS)** dengan **400,000 penonton** untuk menerapkan nilai kekeluargaan bagi membina keluarga sejahtera;
- g) **membangunkan lebih banyak bahan promosi serta melipatgandakan pelaksanaan program advokasi berkaitan keganasan rumah tangga merangkumi program kekeluargaan** melalui pelbagai platform termasuk memanfaatkan platform sistem pesanan ringkas Majlis Keselamatan Negara (MKN) yang mempunyai capaian yang lebih luas untuk menggesa mangsa atau orang awam tampil melaporkan kejadian keganasan rumah tangga;

SOALAN NO. : 8

- h) memastikan **perkhidmatan perlindungan** iaitu **penyediaan Tempat Selamat dan Rumah Perlindungan** oleh **Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)** dan **Jabatan Pembangunan Wanita (JPW)** dan **NGO** **dapat terus diakses** oleh mangsa keganasan rumah tangga bagi menghalang pelaku dari melakukan keganasan rumah tangga terhadap mangsa;
- i) memastikan **Perintah Perlindungan Kecemasan – *Emergency Protection Order (EPO)*** yang dikeluarkan oleh JKJ serta **Perintah Perlindungan Interim - *Interim Protection Order (IPO)*** dan **Perintah Perlindungan - *Protection Order (PO)*** yang dikeluarkan oleh mahkamah **dapat terus diakses** oleh mangsa keganasan rumah tangga; dan
- j) mendapatkan kerjasama Polis DiRaja Malaysia (PDRM) bagi **memudahkan pergerakan mangsa semasa sekatan jalan raya** untuk membuat laporan atau aduan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR PUAN NURIDAH BINTI
MOHD SALLEH**

TARIKH : 12 OKTOBER 2021 (SELASA)

SOALAN

Puan Nuridah Binti Mohd Salleh minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan tindakan Kementerian dalam menyediakan panduan khusus kepada ibu bapa bagi melindungi kanak-kanak daripada gangguan seksual.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sentiasa memandang serius isu gangguan seksual terhadap kanak-kanak yang merupakan salah satu kes jenayah seksual. Beberapa panduan telah dibangunkan untuk mengatasi isu ini seperti di bawah:

- a) **Program Pendidikan Keselamatan Keluarga dan Anak (PEKA)** dilaksanakan bagi memberi pendidikan dan pengetahuan kepada ibu bapa dan penjaga mengenai keselamatan keluarga dan anak. Pengisian program ini merangkumi pengetahuan mengenai aspek keselamatan di rumah, di luar rumah dan di alam siber. Program yang dilaksanakan dengan kerjasama agensi kerajaan dan NGO sejak 2017 ini telah memberi manfaat kepada 14,072 ibu bapa dan penjaga. Modul bagi program ini sedang ditambah nilai melibatkan kerjasama agensi dan NGO berkaitan komunikasi dan teknologi digital dengan komponen keibubapaan digital mengambil kira kesesuaian cabaran norma baharu akibat pandemik COVID-19. Ini bagi memastikan pengawasan berkaitan dunia siber dan digitalisasi dapat diterapkan oleh ibu bapa kepada anak mereka.
- b) Bersesuaian dengan Pelan Tindakan Perlindungan Kanak-Kanak dalam Dunia Siber, **LPPKN telah bekerjasama dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang mempunyai modul latihan pornografi dan jenayah seksual terhadap kanak-kanak** seperti Pertubuhan IKRAM Malaysia melalui modul *Malaysia Against Pornography* dan Persatuan WADAH Pencerdasan Umat Malaysia melalui modul Sekeluarga Tolak Pornografi (STOP).
- c) Selain itu, satu **program Bual Bicara Keselamatan dan Perlindungan Kanak-kanak** telah diadakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bersama Majlis Perwakilan Kanak-kanak Kebangsaan (MPKK) secara webinar pada bulan Ogos dan September 2021. Antara isu-isu yang diberi keutamaan adalah isu gangguan seksual terhadap kanak-kanak, kesihatan mental dalam

kalangan kanak-kanak semasa pandemik COVID-19, buli siber, penderaan domestik semasa PKP dan lain-lain. Webinar ini diadakan bagi memberikan kesedaran dan didikan serta berkongsi maklumat kepada kanak-kanak, ibu bapa dan juga komuniti agar sentiasa melindungi kanak-kanak dari menjadi mangsa kepada pihak yang tidak bertanggungjawab. Jumlah **tontonan dan penyertaan mencecah 15,000 orang.**

- d) Bertepatan dengan pelestarian era digital dan keadaan pandemik COVID-19, satu **kempen digital ‘Jangan Malu Ambil Tahu, Jangan Malu Bagi Tahu’** dijalankan pada tahun 2021 untuk meningkatkan pengetahuan dan kesedaran berkaitan kesihatan reproduktif dan jenayah seksual kepada kanak-kanak dan remaja. Pendekatan kempen ini adalah melalui platform media sosial dan media massa untuk menyampaikan info yang tepat berkaitan kesihatan seksual dan reproduktif agar dapat melindungi kanak-kanak daripada menjadi mangsa jenayah seksual. Sejumlah 7.4 juta orang daripada kalangan ibu bapa, pendidik, dan remaja telah mendapat manfaat daripada kempen ini.
- e) Satu **Sistem Semakan Pesalah Jenayah Seksual** juga telah diwujudkan sebagai panduan untuk membolehkan ibu bapa / individu / majikan yang mengambil seseorang untuk menguruskan kanak-kanak membuat semakan bagi memastikan individu tersebut tidak mempunyai sebarang rekod jenayah seksual terhadap kanak-kanak. Semakan ini merupakan salah satu usaha yang boleh dilakukan untuk mempertingkatkan perlindungan dan keselamatan terhadap kanak-kanak serta mencegah dan mengekang jenayah terhadap kanak-kanak daripada berlaku. Penyelia kepada sistem ini adalah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan ibu bapa yang ingin mendapatkan maklumat berkaitan sistem ini boleh menghubungi Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) berdekatan.

SOALAN NO. : 15

- f) Melalui Pelan Strategi Kebangsaan Bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat juga menetapkan komitmen pemegang taruh utama di peringkat kerajaan, swasta, mahupun Badan Bukan Kerajaan untuk meningkatkan advokasi SRH termasuk isu jenayah seksual kepada kanak-kanak seperti sumbang mahram dan rogol bawah umur di dalam komuniti serta mengukuhkan institusi kekeluargaan melalui penyampaian maklumat, bimbingan, dan kemahiran kepada ibu bapa/ penjaga.

- g) Pembangunan 'Akademi Keluarga Sejahtera' (AKS) di laman *facebook* juga dijadikan platform pendidikan kekeluargaan bagi pihak kementerian dan agensi di bawahnya untuk mengupas topik semasa dan isu-isu sosial berkaitan kumpulan sasar KPWK. AKS juga turut menjadi medium kepada ahli akademik dan pakar kekeluargaan untuk berkongsi ilmu dan tips kekeluargaan.

Sekian, terima kasih.